

06 DEC 1997

Ting-Pokok

SASARAN TANAM 750,000 POKOK TERCAPAI, KATA TING

TELUK INTAN, 6 Dis (Bernama) -- Sasaran menghijaukan bumi serta mencantikan lanskap negara menerusi projek menanam 750,000 batang pokok tahun ini sudah mencapai sasarannya, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Katanya, walaupun statistik terkini mengenai bilangan sebenar pokok yang sudah ditanam belum diketahui, namun Kementerian itu yakin kempen itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah mencapai matlamatnya.

Statistik sebenar bilangan pokok yang ditanam sepanjang tahun ini termasuk di setiap negeri sedang dikumpul oleh Jabatan Lanskap Negara, katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek menanam pokok anjuran MCA Bahagian Pasir Salak di Langkap dekat sini petang semalam.

Beliau berkata, sejumlah 750,000 pokok lagi akan ditanam tahun depan dan jumlah yang sama bagi dua tahun berikutnya bagi memenuhi sasaran menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000.

Tumpuan kawasan menanam pokok tahun depan membabitkan kawasan lapang, sepanjang jalan raya serta kawasan tebing sungai, tambah beliau.

Ting bagaimanapun kesal kerana dalam kerancangan pelbagai pihak menanam pokok, tidak ramai yang menyelenggara pokok-pokok berkenaan dan hanya membiarkan pihak berkuasa tempatan menyiram serta membajanya walaupun pokok-pokok berkenaan ditanam di hadapan rumah penduduk.

Terdapat juga sebilangan kecil penduduk yang tidak bertanggungjawab mencuri pokok-pokok yang ditanam yang sesetengahnya bernilai tinggi seperti jati dan sentang, katanya.

Ting yang juga Setiausaha Agung MCA berkata, parti itu dijangka akan mencalonkan ramai muka baru terutama wanita sebagai anggota Majlis Perbandaran tahun depan.

Pembabitan wanita parti itu sebagai anggota majlis kini hanya enam peratus atau 33 orang daripada sejumlah 447 anggota majlis (daripada MCA) dan ia akan ditingkatkan sehingga 15 peratus atau 60 orang dalam tempoh antara dua dan tiga tahun akan datang, katanya.

-- BERNAMA

LAT RHM